



## NOTIS MAKLUMAN

### PENUTUPAN KAUNTER PERKHIDMATAN SECARA MAYA (V-PLAT) DI UTC KOTA KINABALU, SABAH

Perkhidmatan V-Plat merupakan satu saluran komunikasi secara maya (*virtual*) atas talian untuk pelanggan di Negeri Sabah berhubung secara langsung dengan LPPSA di Putrajaya. Berkuat kuasa **1 Disember 2023**, perkhidmatan V-Plat ini akan ditutup secara rasmi dan digantikan dengan perkhidmatan **e-KAUNTER**.

Perkhidmatan e-KAUNTER ini mempunyai ciri-ciri yang telah dipertingkatkan daripada perkhidmatan V-Plat di mana pelanggan boleh berhubung secara terus dengan pegawai LPPSA melalui panggilan video. Ianya boleh diakses di mana-mana sahaja melalui pelbagai jenis peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer dan tablet dengan sokongan internet yang optimum. Ini adalah sebahagian daripada usaha LPPSA untuk terus meningkatkan pengalaman pelanggan ke arah yang lebih baik.

Pemberhentian perkhidmatan V-Plat ini tidak menjejaskan operasi LPPSA dan pengalaman pelanggan bagi tujuan konsultasi terus dengan pegawai LPPSA. Pelanggan boleh menggunakan saluran perkhidmatan e-KAUNTER di pautan [e-KAUNTER](#).



Imbas di sini

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan [Live Chat](#) melalui aplikasi LiA Chatbot di Laman Sesawang Rasmi LPPSA atau melalui [e-Tiket](#).

**27 OKTOBER 2023**